

IJTIHAD DI DALAM ISLAM

(Oleh ‘Abdul Qādir Isma‘īl ‘Abdullāh – Kuliyyat al-Shar‘iyyah di al-Azhar- Mesir)

disiarkan oleh badan persuratan persekutuan Melayu Mesir

Apakah ijthad? Ijthad adalah suatu perkataan Arab yang bererti mencurah tenaga dan maksudnya di dalam syarak ialah: mencurah tenaga kerana memetik hukum-hukum syarak dari usul asalnya.

Soal ijthad adalah suatu yang tersangat penting yang bukan hanya dibahaskan hari ini sahaja tetapi adalah dibahaskan dari semenjak mula lahirnya agama Islam, kerana ijthad ini adalah sebagai suatu jalan untuk menyempurnakan risalah am Islam yang sanggup menjamin keselamatan dan kebahagiaan manusia pada masa dan di merata-rata tempat.

Kita orang-orang Islam adalah dibenarkan berijthad kerana sekiranya kalau kita tidak dibenarkan berijthad nescaya akan timbul setelah wafat junjungan besar kita Muhammad (SAW) kejadian-kejadian yang tidak ada hukumnya dari syarak, kerana nas-nas Quran dan hadis ada berhad dan bertakat sedangkan perkara-perkara yang berlaku itu tidak ada bertakat. Jadi kalau Islam itu tidak membenarkan kita berijthad tentu sekali ia tidak menjadi risalah am yang sanggup mensuaikan hukuman-hukuman dengan keadaan dan kejadian yang berlaku dari semasa ke semasa.

Ijthad pada zaman Rasulullah (SAW) Rasulullah (SAW) ada berijthad dan menggemarkan sahabat-sahabatnya berijthad. Sungguhpun sahabat akan diberi

kebebasan berijthad tetapi Rasulullah (SAW) sahajalah yang mempunyai fikiran yang terakhir bagi membetul dan menyalahkan ijthad-ijthad mereka iaitu dalam masa mereka mengemukakan natijah ijthad mereka kepadanya. Ini adalah sabagai latihan untuk bebas fikir dan berijthad pada masa akan datang. Rasulullah (SAW) pernah bersabda “*man ijthada fa aṣāba falahu jarān wa man ijthad fa ‘khaṭa’ falahu ajru aḥad* (siapa berijthad di kemudian betul mendapat dua pahala, dan siapa berijthad kemudian tersalah mendapat satu pahala).

Bagi penerangan yang boleh jelas lagi maka di sini kita menurunkan beberapa contoh ijthad pada masa itu.

1. Sabda Rasulullah (SAW) “*lawla an ashq ‘alā ummati la amartuhum bi al-sawāk ‘inda kulli ṣalāt*”. Ertinya “Jikalau tidak aku memberatkan umatku nescaya aku menyuruh mereka itu bersugi tiap-tiap kali hendak sembahyang” Hadis ini adalah membayangkan kepada kita bahawa hukum bersugi ini terhenti di atas kekuatan dari ijthad dan fikiran junjungan kita Muhammad (SAW).

2. Rasulullah (SAW) telah mengharamkan dengan ijthadnya perkara yang diharamkan oleh Allah Subḥānahu wa Ta‘ālā kerana memandang kepada suatu muslihat yang difikirnya betul. Kemudian turun ayat bagi mengubahkan fikirannya firman Allah Subḥānahu wa Ta‘ālā: (*Yā ayyuhā al-nabī lima tuḥarrimu mā aḥallallahu laka..*

... *al-ayyat*) Ertinya: “Wahai Nabi! Apakah sebabnya Engkau mengharamkan barang yang telah diharamkan oleh Allah bagimu?”

3. Seorang perempuan datang menghadap junjungan kita (SAW) dan berkata “Ya Rasulullah! Ibu saya lemah meninggal dunia dan belum sempat menunaikan puas nazarnya. Adakah memadai saya berpuas sebagai ganti daripadanya?” Jawab junjungan kita (SAW) “sekiranya ibu engkau itu berhutang kemudian engkau membayar hutangnya tidakkah ini melepaskan hutangnya?” Sahut perempuan itu: Ya di sini Rasulullah bersabda: “Hutang Allah lebih utama dibayar”.

Dan contoh Rasulullah (SAW) membenarkan sahabat-sahabatnya berijtihad adalah seperti berikut:

1- Rasulullah (SAW) pada masa menghantarkan Mu‘āz Bin Jabal ke negeri Yaman bagi mengajar orang-orang Yaman dan menjadi hakim, ia telah bersabda kepadanya: dengan apakah Engkau hendak menghukum dalam masa berlaku sesuatu perkara? jawapan dengan kitab Allah. Jika tidak ada dalam kitab Allah? Jawapan dengan sunnah Rasulullah. Jika tidak ada di dalam sunnah Rasulullah? Jawabnya saya akan berijtihad. Rasulullah (SAW) pun tepuk-tepuk balakangnya seraya bersabda: Syukur kepada Allah Subhānahu wa Ta‘ālā yang telah memberi tawfiq kepada pesuruh Rasul Allah kepada barang yang diredhai oleh Rasulullah.

2. Pada suatu ketika dua orang sahabat berada dalam perjalanan sedang mereka berjalan, masuklah waktu sembahyang dan air tidak ada oleh yang demikian mereka pun sembahyanglah menurut ijtihad masing-masing. Setelah mereka bertemu dengan air seorang daripadanya mengulang sembahyang dan seorang lagi tidak. Apabila mereka menceritakan semua hal yang telah berlaku itu kepada junjungan (SAW) iapun bersabda kepada yang tidak mengulang sembahyangnya: “Engkau itu perbuat betul dengan sunat dan diberikan satu pahala diatas sembahyang Engkau.” Dan kepada yang mengulang sembahyangnya Nabi pula bersabda: “Bagi Engkau ini dua pahala”.

Setelah wafat junjungan kita Muhammad (SAW) soal

ijtihad makin bertambah penting dan perlu, sebab negeri-negeri Islam makin hari makin bertambah luas, dan kejadian-kejadian baharu makin bertambah banyak. Oleh yang demikian maka sahabat-sahabat pun terpaksa menganda tenaga dan meluaskan pintu ijtihad untuk meminta hukum-hukum baharu yang seraya dengan kejadian-kejadian baharu dan munasabah dengan ajaran Islam. Ijtihad mereka ini tidak lain melaikan ialah terbitnya dari ajaran Nabi kita (SAW) itu. Mereka ini berijtihad dengan berbagai-bagai cara dan rupa. Kadang-kadangnya dengan menggunakan *ijma'*, *qiyas*, *maṣlahah mursalah*. Dan lain-lain lagi dari cara-cara ijtihad yang ada tersebut dengan lanjut dan dalil-dalilnya di dalam kitab-kitab usul-fiqh.

Di antara ijtihad-ijtihad mereka yang bermacam-macam aneka itu yang terbesar sekali adalah berhubung dengan melantik siapakah yang layak menjadi khalifah ganti junjungan kita untuk mengarah dan memegang teraju kerajaan Islam kerana tidak ada seorang jua pun yang telah dicalonkan oleh Rasulullah. Demikian pula berkenaan ijtihad mengumpul ayat-ayat Quran ke dalam sebuah mushaf supaya terpelihara dan tidak kehilangan. Dan lain-lain lagi dari segala rupa ijtihad.

Ijtihad sahabat-sahabat ini tidaklah semuanya sekata bahkan terkadang-kadangnya dengan mereka bersalahan faham di dalam mengambil hukum dari Quran dan Hadis yang menyebabkan tiap-tiap seorang itu tidak dapat bergantung depada fahaman sahabat yang menyalhinya. Sungguhpun begitu masing-masing tidak memaksakan rakan-rakannya supaya mengikutnya. Dan tidak ada di sana seorang jua pun yang fanatik atau taksab yang tidak mahu berpegang melaikan dengan fikirannya seorang diri meskipun fikirannya itu lemah atau tersalah.

Mereka kerap bertolak ansur dan sama bekerja untuk menyampaikan kepada natijah yang sebenar dari berijtihad, misalnya: perselisihan mereka di dalam mengeahui hukum kahwin mut‘ah (kahwin sementara). Kebanyakan sahabat –sahabat memandang sudah tidak lagi diharuskan walaubagaimana keadaan sekalipun

tetapi Sayyidina ‘Abbās berseorang diri memandang masih hukumnya harus pada masa darurat. Akhirnya setelah ia mengetahui ijtihadnya tersalah iapun rujuk semula kepada mengharamkan kahwin secara mut‘ah ini dengan hati yang penuh keredhaan.

Perselisihan yang semacam ini tidaklah membawa kepada permusuhan dan pergaduhan sebab mereka percaya bahawa dasar dan asasambilnya mereka sama, hanya berlainan tentang mentafsir dan memahamannya sahaja.

Inilah sebenar-benarnya ajaran Nabi besar kita (SAW) yang sentiasa melatih mereka kepada biasa bercakap dan berfikir bagi mentafsirkan dasar-dasar ilmu Islam dan kaedah-kaedahnya yang luas supaya dapat disesuaikan dengan apa sahaja tuntutan dari masa dan keadaan. Dan inilah sebenar-benar ajaran yang dimaksudkan dari sabdanya “*Ikhtilāf Ummatī Rahmah*”

(berselilihan umatku itu rahmah).

Ijtihad ini jika dihalusi tidaklah terbuka kepada sebarang orang bahkan hanya terbuka kepada mereka yang ada mempunyai kesanggupan dan syarat-syarat yang tertentu sahaja. Kerana itulah kita kerap didapati sahabat-sahabat besar melarang sesetengah-setengah golongan dari berjihad iaitu golongan yang tidak ada kesanggupan dan persediaan. Kerana jika dibenarkan mereka itu berjihad sudah ternyata akan merosakkan agama dan mencampur aduk perkara yang bukan dari agama dengan perkara agama.

Manakala Sayyidina ‘Uthmān Bin ‘Affān raḍī Allāh ‘anh telah dibunuh oleh pihak penderhaka yang akhirnya berlaku permusuhan yang hebat diantara orang-orang Islam, maka di sana lahir suatu golongan yang disebutkan dengan nama “Khawārij” (puak pelampau) mereka ini telah mulai menyempitkan fahaman Islam dan



Satu pemandangan yang indah di tanah air kita

Gerakan berijtihad; mereka memaksa supaya semua orang mengikut mereka bukan sekadar ini sahaja bahkan mereka memandang kafir dan halal ditumpahkan darah siapa sahaja yang menyalahi mereka meskipun orang-orang yang mereka menyalahinya itu termasuk di dalam golongan sahabat-sahabat besar yang telah banyak berjasa bagi mengembangkan ajaran-ajaran Islam hingga sekiranya kalau tidak kerana sahabat-sahabat ini mereka harus masih hidup di dalam gelap kejahilan dan kekafiran.

Ijtihad pada zaman tabi‘īn

Di dalam suasana yang begitu gelap, dan keadaan yang sangat menyedihkan keluarlah pula beberapa banyak musuh Islam untuk membuat dan memindahkan hadis –hadis Rasulullah (SAW) supaya mengeliru dan menghapuskan ajaran-ajaran Islam. Akhirnya sangat sukar kepada alim ulama untuk berijtihad, kerana sebelum mereka melangkah ke medan ijtihad terlaksalah mereka memilih hadis-hadis yang betul yang telah bercampur aduk dengan hadis-hadis yang tidak betul dan palsu itu walaupun banyak angkara-angkara dan halangan yang dijalankan oleh musuh-musuh Islam untuk menyekat kemajuan Islam dan ijtihad, tetapi perkara yang sebenar itu tetap mendapat peliharaan dan naungan Tuhan iaitu dengan lahir imam-imam mujtahid yang bukan sahaja mereka membentuk hukum-hukum feqah Islam tetapi juga membentuk cara-cara dan jalan-jalan berijtihad hingga sekarang boleh dikatakan kebanyakan berlaku sudah tercatat dan tertulis hukuman-hukuman di dalam feqah masing-masing. Pendek kata inilah masa keamanan berijtihad.

Kemunduran Berijtihad

Manakala tiba pertengahan kurun yang keempat, soal ijtihad mulai beransur kurang dan kemerdekaan fikiran

bertambah lembab dan mundur kerana disebabkan oleh pergaduhan dan perpecahan yang tidak putus-putus di antara orang-orang Islam dan pemerintahnya. Akhirnya semangat ijtihad beransur malap dan terus hilang lenyap. Pada masa ini mulailah orang-orang Islam bergantung hanya kepada fikiran imam-imam mujtahid sahaja tidak lagi mahu berpegang dengan imam-imam mazhab empat sahaja iaitu Shāfi‘ī, Ḥanbalī dan Mālikī. Kerana mazhab-mazhab ini dapat sokongan dari pemerintah-pemerintah Islam dan lain-lain mazhab empat mazhab Abī Dāwud al-Zāhirī, al-Thūrī, Ibnu Abī Laylā diberikan sahaja.

Dengan memandang kepada keadaan dan perubahan yang mengenai ijtihad dari awal sampai akhirnya dapatlah kita ketahui bahawa pintu ijtihad itu masih terbuka kepada siapa sahaja yang ada kesanggupan dan kecekapan berijtihad menurut syarat-syarat yang akan diebutkan kemudian. Apatah lagi tidak ada seorang jua pun dari imam-imam mujtahid yang mewajibkan kita mengikutnya, hanya yang telah diketahui bahawa tiap-tiap Imam itu ada berkata: “Apabila hukum itu berbetulan dengan hadis yang sah maka itulah mazhab kami. “tersebut di dalam kita “*al-Mizān*” karangan al-Sha‘rānī. Al-Imam al-Shāfi‘ī ada berkata: “apabila kamu perolehi di dalam kata baku ini berlainan dari sunnah Rasulullah dan tinggalkan menyentuh perkataanku “ Diriwayat al-Bayhaqī. Al-Imam Mālik ada berkata “bahawa aku ini manusia bersalah dan betul, lihatlah kepada fikiranku sekiranya berbetulan dengan kitab Allah dan sunnah Rasulnya ambillah, dan kalau tidak campakkanlah, riwayat Ibn ‘Abdul Bar dengan sanad mutaṣil. Dan Imam Abū Ḥanīfah beserta Abū Yūsuf sahabatnya berkata “tidak harus siapa jua pun berkata dengan perkataan kami melainkan apabila ia mengetahui darimana kami berkata. “Riwayat Ibn Qayyim.